



**UCAPAN YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,**

**KELUARGA DAN MASYARAKAT SEMPENA
SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN 2016**

PADA 25 OGOS 2016

DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

**'MENERUSKAN AGENDA
PASCA BEIJING DECLARATION DI MALAYSIA'**

MUKADIMAH

1. Saya memanjat kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan Izinnya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk menyambut **HARI WANITA** tahun 2016 yang bertemakan ‘ ***Sepadu Usaha: Tiada Wanita Ketinggalan.***’

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan isteri yang sudi menerima jemputan Kementerian ini untuk merasmikan majlis petang ini. Kehadiran YAB Perdana Menteri dan YABhg Datin Sri Rosmah Mansor melambangkan keprihatinan dan komitmen jitu mereka untuk menjayakan usaha meningkatkan lagi kesaksamaan dan pemeraksanaan wanita di Malaysia. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Agensi-agensi Kerajaan, aktivis wanita, kumpulan-kumpulan NGO dan rakan strategik Kementerian kerana sentiasa menyokong usaha-usaha serta program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada hadirin sekalian yang sudi melapangkan masa bagi menghadiri diri untuk merayakan majlis sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 pada hari ini. Selamat datang diucapkan dan sokongan para hadirin pada hari ini amat kami sanjung tinggi.

PENCAPAIAN MALAYSIA

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyediakan laporan prestasi pencapaian Malaysia selepas genapnya 20 tahun pelaksanaan *Beijing Declaration* dan *Platform Of Action* yang digubalkan pada tahun 1995. Kedua dokumen ini merupakan dokumen

sejarah yang meletakkan asas kepada agenda global untuk semua negara di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melaksanakan dasar, perundangan dan program khusus untuk merealisasikan kesaksamaan dan pemeraksanaan wanita di negara masing-masing.

4. Laporan pencapaian negara kita telah dibentangkan di sesi 59 *Commission on Status of Women: Beijing +20 Review* pada 9 – 20 Mac 2015. Penilaian yang dibuat dalam perjumpaan ini meliputi usaha yang dilaksanakan oleh setiap negara dalam menangani 12 isu kritikal terdiri daripada **wanita dan kemiskinan, pendidikan dan latihan, kesihatan, keganasan terhadap wanita, peperangan, ekonomi, wanita memegang kuasa dan jawatan membuat keputusan, mekanisme bagi kemajuan wanita, hak asasi, media, alam persekitaran, dan *the girl child*.**

5. Malaysia telah berjaya meningkat penyertaan wanita dan mengurangkan jurang dalam kebanyakan isu-isu kritikal yang ditetapkan **kecuali** dalam wanita memegang kuasa dan jawatan yang membuat keputusan. Di dalam arena politik, jumlah wanita yang dipilih menjadi Ahli Parlimen di Dewan Rakyat pada tahun 2013 masih kekal 10.4% berbanding tahun 2008, manakala perwakilan wanita di Dewan Negara ialah 22.7%. Jumlah wanita yang dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri masih tidak melebihi 10 orang dalam tempoh 1995 – 2013. Sehingga Jun 2016, hanya 13.2% daripada jawatan menteri dan timbalan menteri disandang oleh wanita.

6. Namun demikian, komponen kedua iaitu wanita memegang jawatan membuat keputusan mencapai kejayaan yang amat baik. Kerajaan mengumumkan dasar untuk mensasarkan sekurang-kurangnya 30%

daripada jawatan membuat keputusan di sektor awam dan swasta diisikan oleh wanita. Statistik Jun 2016 menunjukkan bahawa hanya sektor awam telah berjaya mempunyai 65.4% wanita dalam pengurusan dan professional yang merupakan pembuat dasar dan keputusan berbanding 61.5% pada tahun 2012 dan 60.9% pada tahun 2010. Bagi sektor korporat pula, laporan *Hays Asia Salary Guide 2015* yang meletakkan Malaysia sebagai negara kedua di rantau Asia selepas China yang mempunyai wanita mengisikan jawatan pengurusan tetapi mendahului pencapaian Hong Kong dan Singapura. Sebanyak 34% daripada jawatan pengurusan di Malaysia diisikan oleh wanita berbanding dengan China (36%), Hong Kong (31%) dan Singapore (27%).

7. Namun demikian, usaha Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam Lembaga Pengarah belum lagi mencapai sasaran 30% yang ditetapkan. Sehingga Jun 2016, Jumlah pelantikan wanita sebagai ahli Lembaga Pengarah dalam *Government Investment Companies* ialah 10.8%.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Hadirin yang dimuliakan,

9. Laporan kemajuan pencapaian negara menunjukkan bahawa negara kita telah berjaya dalam usaha merealisasikan kesaksamaan dan pemerksaan wanita berbanding dengan negara-negara lain. Namun demikian, walaupun kita boleh berbangga dengan pencapaian setakat ini tetapi kebanggaan tersebut tidak wajar menjadi kita *complacent*. Sebaliknya kejayaan hari ini wajar menjadi pemangkin untuk terus menyalakan lagi

semangat kita untuk meneruskan perjuangan bagi memartabatkan lagi status dan kedudukan wanita serta mendapat pengiktirafan sebagai *equal player* dalam proses pembangunan dan modenisasi negara kita.

10. Oleh itu, saya ingin menarik perhatian kepada semua wanita mengenai agenda pasca Beijing yang merangkumi Matlamat No. 5 dalam *Sustainable Development Goals* yang diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pada tahun 2015, matlamat No. 5 menumpukan kepada **meningkatkan penglibatan aktif dan kepimpinan wanita dalam politik dan pemerksaan wanita dalam bidang ekonomi.** Agenda pasca *Beijing Declaration* yang berpaksikan *Sustainable Development Goals (2016-2030)* merupakan pelan tindakan global baru yang wajar dilaksanakan agar mencapai kejayaan yang lebih besar dan bermakna kepada wanita hari ini dan melakarkan masa depan yang lebih cerah bagi generasi wanita akan datang.

Hadirin yang dihormati,

MATLAMAT NO. 5

11. Sebenarnya Matlamat No.5 dalam *Sustainable Development Goals* merupakan sasaran lama yang terdapat *Millennium Development Goal*. Ini menunjukkan bahawa kita belum berjaya untuk merealisasikan kesaksamaan dan pemerksaan wanita. Oleh itu, *Sustainable Development Goals* meneruskan perjuangan ini dengan menekankan kepada **meningkatkan penglibatan aktif dan kepimpinan wanita dalam politik dan pemerksaan wanita dalam bidang ekonomi.**

a. B40

12. Usaha ke arah pemerksaan wanita di bawah Rancangan Malaysia Ke11 yang berpaksikan *people-centred economy* dan *social inclusiveness* memerlukan Kementerian saya dan agensinya memastikan kumpulan papa, kurang upaya, ibu tunggal dan kumpulan yang terpinggir mempunyai kapasiti dan bantuan untuk berdikiari sebagai insan yang produktif supaya mereka menghadapi *social exclusiveness* dipinggirkan daripada proses pembangunan dan pemodenan negara. Sehubungan ini, kita perlu menggubalkan satu dasar B40 dan pelan tindakan yang menyeluruh untuk membantu mereka menjadi produktif dan melengkapkan dengan kapasiti dan kemampuan mencari rezeki sendiri.

13. Selaras dengan usaha menjayakan ***social inclusiveness***, Kementerian saya telah melaksanakan pelbagai program seperti 1AZAM, Pro Well, Mamacare, iKIT dan iKEUNITA. Daripada program tersebut, **Mamacare** yang berjaya memperkasakan ibu tunggal dan miskin untuk memperolehi pendapatan lebih RM3000 dan didapati mempunyai potensi untuk berkembang menjadi **social enterprise**. Pelaksanaan Mamacare oleh YAB Perdana Menteri pada hari ini merupakan tahap untuk mentransfomasikan Mamacare sebagai *social enterprise*.

b. Korporat

14. Dalam ucapan YAB Perdana Menteri di United Nations tahun lalu, beliau mengatakan ‘*when women succeed, the nation succeed*’. Kenyataan tersebut memang benar. Kajian yang dibuat oleh *Peterson Institute for International Economics* pada tahun 2016 ke atas 21,980 syarikat dalam 91 negara menunjukkan bahawa “ ***the presence of more female leaders in***

top positions of corporate management correlates with increased profitability at these companies. “

15. Walaupun wanita dapat menyumbang tetapi mereka perlu mengatasi masalah mindset *leadership ambition gap* supaya berjaya dalam kerjaya korporat. Dalam bukunya **Lean In**, Sheryl Sandberg menjelaskan bahawa wanita menghadapi masalah *leadership ambition gap* berpunca daripada dua halangan iaitu **persekitaran luaran** yang meliputi budaya dan pandangan *stereotype* tradisional masyarakat terhadap peranan dan keupayaan wanita, dan **persekitaran dalaman** yang berkaitan dengan proses sosialisasi wanita mencetuskan perasaan kurang yakin dan takut untuk merebut peluang dan memenuhi tanggungjawab sebagai isteri dan ibu.

15. Sehubungan ini, *captains of the industry* dan Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat perlu membantu menghapuskan halangan ini untuk membolehkan wanita dapat memecahkan ***glass ceiling*** ini.

c. Politik

16. Peranan wanita dalam politik Malaysia memang besar tetapi pengorbanan wanita perlu mendapat pengiktirafan yang setimpal dengan masa dan tenaga sumbangan kewangan yang dicurahkan bagi membolehkan parti politik kita mencapai kejayaan. Oleh itu, wanita wajar menerajui usaha untuk mewujudkan *wind of change* supaya lebih ramai wanita dipilih untuk menjadi calon di pilihraya akan datang, dan lebih ramai ahli politik wanita dipilih menjadi EXCO atau Menteri dan Timbalan Menteri.

17. Golongan wanita yang terlibat dalam politik perlu menampilkan kepimpinan dan keupayaan mereka bagi menghapuskan persepsi

masyarakat dan pengundi bahawa ‘ *women cannot lead but merely support the political parties dominated by men*’.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

18. Saya amat berharap sambutan Hari Wanita pada tahun ini akan mendorong wanita untuk mara bagi mencapai peningkatan dalam *unfinished agenda* kita ke arah kesaksamaan dan pemeraksanaan wanita.

19. Tidak meminggirkan lelaki, bermula tahun ini Sambutan Hari Lelaki Kebangsaan juga akan diperkenalkan iaitu pada 22 Oktober 2016. Pasti ia sesuatu yang cukup istimewa buat kaum adam sebagai penghargaan dan juga pengiktirafan kepada mereka.

20. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada hadirin sekalian yang sudi hadir bagi memeriahkan majlis sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 ini. Usaha yang bersungguh-sungguh dan penuh keyakinan pada diri sendiri dalam apa jua bidang yang kita lakukan pasti akan memberi kejayaan. Semoga sokongan dan komitmen hadirin sekalian dalam memastikan usaha-usaha memartabatkan golongan wanita ini sentiasa berterusan. Terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.